

GARIS PANDUAN DAN TERMA RUJUKAN

Majlis Perundingan Penjaja
Dan Peniaga Kecil
Kebangsaan & Negeri

- **Versi 1/2025**
- **Berkuatkuasa Mulai 27 Mei 2025***



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
DAN KOPERASI
(KUSKOP)**

ISI KANDUNGAN

		Muka Surat
1.0	Pengenalan	2
2.0	Objektif Majlis	3
3.0	Fungsi Majlis	3
4.0	Keanggotaan Ahli Majlis	
	4.1 Struktur Organisasi	4
	4.2 M3PK	4
	4.3 M3PN	8
	4.4 Pelantikan, Pembatalan, Pemecatan	9
	4.5 Pengosongan Jawatan	10
5.0	Peranan Ahli-Ahli Majlis	11
6.0	Elaun dan Kemudahan	12
7.0	Peraturan Mesyuarat	
	7.1 Mesyuarat M3PK	13
	7.2 Mesyuarat M3PN	14
8.0	Penutup	15

1.0 PENGENALAN

Majlis Perundingan Penjaja dan Peniaga Kecil Kebangsaan (M3PK) dan Majlis Perundingan Penjaja dan Peniaga Kecil Negeri (M3PN) pada awalnya telah ditubuhkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berdasarkan makluman kepada Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Jun 2012 susulan kepada pengumuman YAB Perdana Menteri pada 27 Mei 2012 bahawa hal ehwal penjaja dan peniaga kecil seluruh Negara diletakkan di bawah KPDNHEP.

Pada 1 Ogos 2020, fungsi dan peranan tersebut telah dipindahkan ke Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui pemindahan Bahagian Penjaja dan Peniaga Kecil (BPPK) ke Kementerian ini berdasarkan surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF.NBO.600-9/12/109 JD.2 SK.14 (2)). Mulai dari tarikh ini, segala penyelarasan dan pelaksanaan program serta hal ehwal berkaitan penjaja dan peniaga kecil kini di bawah bidang kuasa KUSKOP. Ini termasuklah urusan pentadbiran berkaitan Majlis Perundingan Penjaja dan Peniaga Kecil Kebangsaan (M3PK) dan Majlis Perundingan Penjaja dan Peniaga Kecil Negeri (M3PN).

2.0 OBJEKTIF MAJLIS

Objektif Majlis Perundingan Penjaja dan Peniaga Kecil adalah:

- i. Bertindak sebagai forum rasmi dalam usaha mewujudkan masyarakat penjaja dan peniaga kecil yang mantap dari segi ekonomi dan sosial;
- ii. Menjaga hal ehwal penjaja dan peniaga kecil, menyelaraskan pelaksanaan program dan aktiviti di peringkat pusat dan negeri; dan
- iii. Berperanan sebagai badan perantaraan (*liaison*) di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Persatuan-persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil serta seluruh masyarakat penjaja dan peniaga kecil di Malaysia.

3.0 FUNGSI MAJLIS

Majlis ini berperanan seperti berikut:

- 3.1 Menjadi forum untuk menyalurkan input dalam merancang dan menggubal dasar, strategi, program serta aktiviti yang sesuai bagi membangunkan sektor penjaja dan peniaga kecil;
- 3.2 Mengesyorkan inisiatif dan program pembangunan penjaja dan peniaga kecil; dan
- 3.3 Meningkatkan kerjasama antara agensi Kerajaan, Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil serta badan bukan Kerajaan bagi memastikan dasar dan garis panduan dilaksanakan secara berkesan.

4.0 KEANGGOTAAN AHLI MAJLIS

4.1 Struktur Organisasi

- i) Majlis dibahagikan kepada dua (2) peringkat iaitu:
 - a) M3PK (peringkat pusat); dan
 - b) M3PN (peringkat negeri).

4.2 M3PK

- i) Keanggotaan M3PK hendaklah terdiri daripada:
 - a) YB Menteri sebagai Pengerusi;
 - b) Timbalan Pengerusi terdiri daripada:
 - i. YB Timbalan Menteri sebagai Timbalan Pengerusi I merangkap Pengerusi Ganti;
 - ii. Ketua Setiausaha KUSKOP sebagai Timbalan Pengerusi II (Wakil Kerajaan); dan
 - iii. Presiden GPPPKMM sebagai Timbalan Pengerusi III (Wakil Penjaja dan Peniaga Kecil).
 - c) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang memegang portfolio penjaja dan peniaga kecil atau keusahawanan yang juga merangkap Pengerusi M3PN atau wakil Kerajaan Negeri;

d) Ketua Setiausaha Kementerian atau wakilnya seperti berikut:-

- i. Kementerian Kewangan;
- ii. Kementerian Ekonomi;
- iii. Kementerian Dalam Negeri;
- iv. Kementerian Kesihatan Malaysia;
- v. Kementerian Sumber Manusia;
- vi. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup;
- vii. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
- viii. Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Masyarakat;
- ix. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah;
- x. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan; dan
- xi. Jabatan Wilayah Persekutuan.

e) Ketua Agensi atau wakilnya seperti berikut:

- i. TEKUN Nasional;
- ii. SME Corporation Malaysia (SME Corp.);
- iii. Institut Keusahawanan Negara (INSKEN);
- iv. Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS);
- v. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat);
- vi. UDA Holdings Berhad (UDA);
- vii. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM);
- viii. Majlis Amanah Rakyat (MARA);
- ix. Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM);
- x. SME Bank; dan
- xi. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

f) Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian yang dipertanggungjawabkan menjaga hal ehwal penjaja dan peniaga kecil;

g) Wakil-wakil Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil serta Badan Bukan Kerajaan seperti:

- i. 3 Wakil Gabungan Persatuan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia;
 - ii. YDP Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Malaysia bagi setiap Negeri termasuk Wilayah Persekutuan;
 - iii. 1 Wakil Koperasi Kumpulan *Food Truck* Malaysia Berhad;
 - iv. 1 Wakil Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Malaysia (Cina);
 - v. 1 Wakil Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil India Malaysia (India);
 - vi. 1 Wakil *National Association of Women Entrepreneurs of Malaysia* (Wanita);
 - vii. 1 Wakil Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM); dan
 - viii. Wakil-wakil yang dilantik mengikut budi bicara Pengerusi sebagai ahli M3PK.
- ii) Setiausaha Bahagian Kementerian yang menjaga hal ehwal penjaja dan peniaga kecil sebagai Setiausaha Majlis.

4.3 M3PN

- i) Keanggotaan M3PN hendaklah terdiri daripada:
 - a) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang memegang portfolio penjaja dan peniaga kecil atau keusahawanan yang dilantik oleh Menteri Besar;
 - b) Yang Dipertua Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Negeri/ Bumiputera (bagi Sabah dan Sarawak) sebagai Timbalan Pengerusi merangkap Pengerusi Ganti;
 - c) Pengarah Bahagian Kerajaan Tempatan, Setiausaha Kerajaan Negeri atau wakilnya;
 - d) Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri atau wakilnya;
 - e) Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA) Negeri atau wakilnya;
 - f) Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Daerah (ahli secara automatik); dan
 - g) Wakil-wakil yang dilantik mengikut budi bicara Pengerusi sebagai ahli M3PN.
- ii) Sekretariat yang dilantik oleh Kementerian di peringkat Negeri akan bertindak sebagai Urus Setia dan Setiausaha M3PN.

4.4 Pelantikan, Pembatalan, Pemecatan

- (i) Majlis boleh memperakukan pemecatan mana- mana ahli M3PK dan M3PN atas sebab-sebab munasabah kepada Pengerusi M3PK atau M3PN, di mana berkenaan untuk pertimbangan;
- (ii) Pelantikan ahli M3PK dan M3PN yang mewakili Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan adalah dilantik atas jawatan rasmi yang disandang oleh anggota tersebut;
- (iii) Ahli M3PK dan M3PN dibolehkan untuk melepas/meletak jawatan dengan memberi **notis bertulis 14 hari** kepada Pengerusi M3PK atau M3PN, di mana berkenaan;
- (iv) Pengerusi M3PK dan M3PN berhak melantik mana- mana individu sama ada dari agensi Kerajaan / bukan Kerajaan, yang boleh menyumbang kepada pembangunan penjaja dan peniaga kecil sebagai ahli M3PK / M3PN; dan
- (v) Keputusan Pengerusi M3PK atau M3PN adalah muktamad.

4.5 Pengosongan Jawatan

- (i) Jawatan anggota Majlis akan menjadi kosong jika
- a) Dia meninggal dunia;
 - b) Telah dibuktikan terhadapnya, atau jika telah disabitkan atas sesuatu kesalahan jenayah melibatkan:-
 - i) *Fraud*, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - ii) Di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - iii) Yang boleh dihukum penjara, samada penjara sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda, tidak melebihi dua (2) tahun;
 - c) Diisytihar bankrap;
 - d) Tidak sempurna akal, atau atas apa-apa sebab lain, tidak mampu menunaikan kewajipannya;
 - e) Pelantikannya dibatalkan oleh Menteri; atau
- (ii) Peletakan jawatan diterima oleh Menteri.

5.0 PERANAN AHLI-AHLI MAJLIS

- i) Ahli-ahli Majlis seboleh mungkin hendaklah menghadiri semua mesyuarat yang diatitkan. Sekiranya mereka tidak dapat hadir dalam sesuatu mesyuarat itu, ahli-ahli berkenaan hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Setiausaha Majlis;
- ii) Ahli-ahli Majlis hendaklah memainkan peranan aktif membincangkan sesuatu isu atau masalah dengan tujuan menyelesaikannya;
- iii) Ahli-ahli Majlis hendaklah menyatakan pandangan, ulasan dan pendirian organisasi yang diwakili mereka dalam sesuatu isu yang dibangkitkan;
- iv) Ahli-ahli Majlis yang tidak hadir apabila sesuatu isu atau perkara dibincangkan akan dianggap sebagai bersetuju dengan keputusan-keputusan mesyuarat yang dicapai;
- v) Ahli-ahli Majlis hendaklah mengelakkan dari menimbulkan atau membawa isu-isu sensitif, peribadi atau dalaman untuk dibincangkan dalam mesyuarat; dan
- vi) Ahli-ahli Majlis hendaklah memberi perhatian, maklumbalas dan mengambil tindakan terhadap keputusan-keputusan yang telah dicapai dalam mesyuarat kepada Urus Setia.

6.0 ELAUN DAN KEMUDAHAN

- i) Ahli M3PK dan M3PN dari kalangan sektor bukan Kerajaan yang hadir ke mesyuarat adalah layak untuk menerima elaun dan kemudahan yang disediakan; dan
- ii) Pemberian elaun dan kemudahan yang disediakan tersebut adalah tertakluk arahan kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan yang sedang berkuatkuasa dengan kelulusan Pegawai Pengawal.

7.0 PERATURAN MESYUARAT

7.1 Mesyuarat M3PK:

- i) M3PK hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun atau mengikut budi bicara Pengerusi;
- ii) Mesyuarat akan dipengerusikan oleh Pengerusi M3PK;
- iii) Tarikh dan tempat mesyuarat ditetapkan oleh Setiausaha M3PK setelah berunding dengan Pengerusi;
- iv) Sekiranya berlaku keadaan luar jangka seperti penularan wabak penyakit dan bencana alam di kawasan ahli mesyuarat, majlis boleh bersidang secara hibrid (secara maya dan fizikal) dengan mengambil kira arahan dari Kerajaan yang sedang berkuatkuasa;
- v) Korum yang diperlukan bagi sesuatu mesyuarat adalah tidak kurang daripada $\frac{2}{3}$ keahlian atau 40 orang ahli mesyuarat;
- vi) Mesyuarat hendaklah dihadiri oleh Pengerusi dan ahli-ahli Majlis yang dilantik sahaja (tidak boleh menghantar wakil); dan
- vii) Kementerian/ Jabatan dibenarkan untuk menghantar wakil.

7.2 Mesyuarat M3PN:

- i) Mesyuarat M3PN hendaklah diadakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun atau mengikut budi bicara Pengerusi di negeri masing-masing; Mesyuarat akan dipengerusi oleh Pengerusi M3PN;
- ii) Tarikh dan tempat mesyuarat ditetapkan oleh Setiausaha M3PN setelah berunding dengan Pengerusi;
- iii) Sekiranya berlaku keadaan luar jangka seperti penularan wabak penyakit dan bencana alam di kawasan ahli mesyuarat, majlis boleh bersidang secara hibrid (secara maya dan fizikal) dengan mengambil kira arahan dari Kerajaan yang sedang berkuatkuasa;
- iv) Korum yang diperlukan bagi sesuatu mesyuarat adalah tidak kurang daripada 2/3 keahlian;
- v) Urus Setia bagi M3PN ialah Sekretariat Penjaja dan Peniaga Kecil di peringkat negeri yang dilantik oleh Kementerian yang dipertanggungjawabkan menjaga hal ehwal penjaja dan peniaga kecil;
- vi) Satu salinan Minit Mesyuarat hendaklah dikemukakan kepada Urus Setia M3PK dalam tempoh 2 minggu selepas tarikh mesyuarat; dan
- vii) Mana-mana usul dari mesyuarat M3PN yang ingin dibawa ke M3PK boleh diangkat kepada Urus Setia M3PK untuk tindakan selanjutnya.

8.0 PENUTUP

Penubuhan Majlis Perundingan Penjaja dan Peniaga Kecil peringkat Kebangsaan dan Negeri ini merupakan medium untuk membantu dalam memoden dan membangunkan sektor tersebut. Kerjasama erat antara Kementerian, Jabatan/ Agensi Kerajaan dan Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil dapat meningkatkan keberkesanan usaha Kerajaan dalam memoden dan membangunkan sektor penjaja dan peniaga kecil di Malaysia.

Disediakan oleh:

**SEKSYEN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL (SPPK)
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOPERASI, PENJAJA DAN PENIAGA KECIL
(BKPPK)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)
ARAS 2, BLOK E4/5
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62668 PUTRAJAYA**

**TEL:
03-8883 6365**

**E-MEL:
sppk.bppk@kuskop.gov.my**